

02/12/1999

MiG-29N mulakan sesi pertunjukan

BOOM!... dentuman enjin pesawat pejuang MiG-29N memecahkan keheningan ruang udara Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, yang menjadi tapak Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99).

Secara tiba-tiba lima pesawat MiG-29N milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) muncul dari belakang Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), menandakan bermulanya sesi pertunjukan udara Lima '99.

Pelbagai formasi ditunjukkan oleh juruterbang tempatan yang memandu pesawat buatan Russia itu, sambil disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin kerajaan lain.

Persembahan selama 15 minit itu kemudiannya disusuli acara terjun junam oleh kira-kira 200 pasukan penerjun Pasukan Atur Cepat Angkatan Tentera Malaysia (ATM), menggunakan tiga pesawat C-130H.

Penerjunan itu mempesonakan pelawat perdagangan yang berada di MIEC, serta beratus-ratus pemerhati tidak rasmi di luar kawasan lapangan terbang, terdiri penduduk Langkawi.

Ia kemudiannya disusuli penerbangan formasi oleh sembilan pesawat Aerotiga, sebuah pesawat Zodiac dan sebuah Eagle 150.

Tarikan seterusnya ialah pasukan Roulette dari Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) terdiri enam pesawat PC-9, yang mempersembahkan penerbangan formasi.

Bagaimanapun, kehadiran pasukan terkemuka, Red Arrows dari Britain dengan pesawat pejuang Hawk sudah tentunya menjadi tumpuan utama, dengan pelbagai formasi melawan graviti.

Red Arrows dengan sembilan pesawat Hawk, memberikan persembahan mengagumkan selama kira-kira setengah jam, tempoh paling lama di kalangan semua pasukan aerobatik yang menyertai Lima '99.

Ia disusuli dengan persembahan lima pesawat F/A-18D Hornet milik TUDM yang mengakhiri persembahan aerobatik sempena perasmian pertunjukan kali ini.

Jika pengunjung berasa kagum dengan persembahan pasukan berkenaan, acara aerobatik sebelah petang lebih menakjubkan. Selepas Red Arrows membuka tirai, Kazan Heli mempersembahkan helikopter tempur Mi-17.

Turut mengambil bahagian ialah beberapa pesawat pejuang Russia, yang memberikan persembahan solo menarik termasuk pergerakan Cobra yang menggemparkan pengunjung pada Pameran Udara Paris pada Julai lalu.

Pertunjukan udara yang sama akan berlangsung setiap hari mulai jam 2 petang sehingga Ahad ini.

(END)